

23/09/1998

Yakin ekonomi Malaysia akan pulih

CISCO Systems Inc of USA (Cisco), yakin ekonomi Malaysia akan pulih dan merancang untuk menambah pelaburannya di negara ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, John Chambers, membuat ikrar itu selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Satu kenyataan daripada Apex Communications Sdn Bhd menyebut Chambers sebagai berkata, beliau tertarik dengan wawasan Dr Mahathir untuk negara ini dan tidak mempunyai kesangsian bahawa negara ini berada di landasan yang betul ke arah menyertai peserta global dalam era maklumat.

Chambers berkata, beliau yakin Dr Mahathir akan dapat memulihkan ekonomi dan meletakkan Malaysia ke atas landasan pertumbuhan ekonomi yang lebih besar.

(END)